

**MIC Tumpu Kepada Usaha Tingkatkan Sokongan Kaum India - Murugesan  
Bernama  
5 Disember, 2012**

KUALA LUMPUR, 5 Dec (Bernama) -- MIC akan memberi tumpuan ke arah meningkatkan momentum dalam usaha menjamin sokongan masyarakat India terhadap Barisan Nasional (BN) pada Pilihan Raya Umum (PRU) ke-13.

Setiausaha Agungnya, Datuk S. Murugesan berkata parti itu kini lebih bersedia untuk menggerakkan jentera di peringkat akar umbi bagi memenuhi matlamat BN sejak melaksanakan pelbagai perancangan dua tahun lalu.

"Kita sudah mengatur pelan jangka panjang dan dalam masa terdekat ini penting untuk mengekalkan momentum semangat ahli parti untuk terus berjuang hingga tiba tarikh pilihan raya.

"Perhimpunan Agung parti pada Ahad ini akan terus memastikan usaha untuk menyemarakkan sokongan terhadap BN," katanya pada sidang media berhubung Perhimpunan Agung Tahunan MIC ke-66 di ibu pejabat MIC, di sini, pada Rabu.

Mengenai Perhimpunan Agung itu, Murugesan berkata enam resolusi antaranya politik, transformasi ekonomi masyarakat India, pendidikan, pekerjaan di sektor awam dan latihan kepada belia India, akan dibahaskan pada perhimpunan itu.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=714263>